

## Pendirian al-Bukhārī Terhadap Ayat-ayat *Mutashābihāt*

Mohd Murshidi Mohd Noor<sup>1</sup>  
Faizuri Abd Latif<sup>2</sup>

### Abstrak

Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, pemilik *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dilihat mempunyai pandangan yang tersendiri dalam menangani ayat-ayat *mutashābihāt* dalam al-Qur’an. Makalah ini menganalisis pendirian al-Bukhārī dalam isu ini bagi melihat kecenderungan beliau terhadap ayat-ayat tersebut, sama ada beliau terdiri daripada kalangan yang menggunakan pendekatan takwil atau *tafwīd*. Analisis ini dilakukan dengan meneliti hadith-hadith yang diriwayatkan oleh beliau apabila menyatakan beberapa ayat *mutashābihāt* dalam *Kitāb al-Tawḥīd*. Akhirnya, makalah ini mendapati al-Bukhārī tergolong dalam kalangan ulama salaf yang mengambil pendirian *tafwīd*, secara umumnya, terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*. Jarang sekali beliau melakukan takwilan, walaupun kes takwilan ini dapat ditemui.

**Kata kunci:** al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, salaf, *tafwīd*, takwil, ayat *mutashābihāt*, sifat Allah SWT

### *Al-Bukhārī’s Stance towards Ambiguous Verses*

### Abstract

*Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, the narrator of Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, seems to have an interesting approach towards understanding the Qur’anic’s mutashābihāt verses. This article analyses al-Bukhārī’s stance in this issue, in order to observe his inclination, whether towards ta’wīl or tafwīd. This is done by examining his narrations of the prophetic traditions when mentioning the mutashābihāt verses in the Kitāb al-Tawḥīd. In the end, this article finds that al-Bukhārī was amongst the pious predecessors who employed, in general, the tafwīd approach towards the mutashābihāt verses. Very rarely did al-Bukhārī do ta’wīl these verses, even though such case could be found.*

---

<sup>1</sup> Mohd Murshidi Mohd Noor, PhD, merupakan Felo di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: kap6994\_murshid@yahoo.com.

<sup>2</sup> Faizuri Abd Latif, PhD, merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: fa72@um.edu.my.

**Keywords:** *al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, pious predecessors, tafwīd, ta'wīl, mutashābihāt verses, Allah's attributes*

## **Pendahuluan**

Terdapat banyak sifat Allah yang disebutkan dalam al-Qur'an. Antara sifat-sifat Allah SWT ialah Berkuasa, Pelihat, Pekata, Pendengar, tidak menyerupai makhluk dan sebagainya. Namun begitu, terdapat beberapa sifat Allah SWT dalam al-Qur'an yang seakan-akan menyerupai makhluk, antaranya pernyataan al-Qur'an mengani mata Allah, tangan Allah, wajah Allah, Dia berada di atas dan sebagainya. Ayat-ayat al-Qur'an yang menyatakan perkara sebegini dikenali sebagai ayat-ayat *mutashābihāt* atau yang kabur maknanya. Bagi para ulama salaf, mereka terbahagi kepada dua golongan dalam membicarakan ayat-ayat *mutashābihāt* dalam al-Qur'an. Golongan pertama mentakwilkan ayat-ayat tersebut secara ringkas dan kedua mengambil sikap *tafwīd*.<sup>3</sup>

Dalam konteks tersebut di atas, makalah ini membincangkan pendirian Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī dalam memahami ayat-ayat *mutashābihāt* yang dimuatkan dalam karya *Ṣaḥīḥnya*. Al-Bukhārī adalah salah seorang ulama salaf terkenal dan pernah difitnah dalam isu akidah. Walau bagaimanapun, beliau merupakan ulama Ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi ikutan umat Islam hingga ke hari ini. Oleh yang demikian, perbincangan makalah ini begitu penting bagi mengetahui pendirian al-Bukhārī dalam isu akidah yang berkaitan dengan ayat-ayat *mutashābihāt* dalam al-Qur'an.

---

<sup>3</sup> *Ta'wīl* atau takwil dari sudut bahasa mempunyai beberapa makna. Antaranya ialah kembali, akibat, tempat kembali dan tafsir. Dari sudut istilah, ia mengandungi tiga makna. Pertamanya, tafsir iaitu menerangkan sesuatu makna. Keduanya, hakikat yang mana sesuatu itu kembali kepadanya. Ketiganya, memalingkan makna zahir lafaz kepada makna yang bertentangan dengan makna zahir itu. *Tafwīd* pula ialah sikap mengiktiraf bahawa akal tidak mampu menanggapi makna nas-nas yang menyatakan sifat Allah SWT, yang tidak diketahui maknanya, serta tidak dapat diterima akal pengertian zahirnya, melainkan oleh Allah SWT sendiri. *Tafwīd* juga diberikan pengertian oleh sebahagian pihak sebagai mensabitkan sifat Allah SWT yang disebutkan dalam al-Qur'an, menyerahkan maknanya yang sebenar serta keadaannya kepada Allah SWT. Oleh itu, sifat-sifat yang disebutkan dalam al-Qur'an diketahui maknanya, tetapi keadaannya yang sebenar diserahkan kepada pengetahuan Allah SWT.

## Perbincangan mengenai Ayat-ayat *Mutashābihāt* dalam al-Qur'an

Dalam al-Qur'an terdapat dua bentuk ayat iaitu *muḥkamāt* atau "jelas" dan *mutashābihāt* atau "kabur". Kenyataan tentang pembahagian ini dinyatakan dalam al-Qur'an surah Āli 'Imrān ayat 7.<sup>4</sup> Ayat *muḥkamāt* tidak menimbulkan banyak perselisihan dalam kalangan ulama Islam kerana mempunyai pengertian yang jelas dan mudah difahami, berbanding *mutashābihāt* yang terdapat kesamaran dari segi maksud dan pengertiannya. Pokok perselisihan ialah dalam konteks memahami maksud ayat tersebut, sama ada melalui kaedah takwil atau *tafwīd* iaitu menyerahkan sepenuhnya maksud ayat tersebut kepada Allah SWT. Golongan yang mengamalkan pendekatan *tafwīd* digelar sebagai Salaf, manakala mereka yang mengambil pendekatan takwil dianggap sebagai golongan Khalaf. Justeru, persoalan ini terus menjadi topik perbahasan di kalangan ulama Islam yang berusaha mencari jalan terbaik bagi menyelesaikan perselisihan ini.

Dalam al-Qur'an terdapat beberapa ayat yang sekiranya difahami ayat tersebut secara zahirnya, maka akan membawa kepada penyerupaan Allah SWT dengan sifat makhluk. Antara ayat-ayat *mutashābihāt* adalah seperti firman Allah SWT,

يَخَافُونَ رَبَّهُمْ مِنْ فَوْقِهِمْ.<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup> Terjemahan Āli 'Imrān (3):7: "Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci al-Qur'an. Sebahagian besar dari al-Qur'an itu ialah ayat-ayat *Muḥkamāt* (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat *Muḥkamāt* itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Qur'an. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat *Mutashābihāt* (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbullah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing), adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari al-Qur'an untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarakan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama berkata, "Kami beriman kepadaNya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami." Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran." Terjemahan al-Qur'an dalam makalah ini adalah adaptasi daripada *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2001).

<sup>5</sup> Al-Nahl (16):50.

Terjemahan: Mereka takut kepada Tuhan mereka yang berada di atas mereka.

Berdasarkan ayat di atas, terlintas dalam fikiran setiap insan bahawa Allah SWT berada di bahagian atas, dan para Malaikat pula berada di bahagian bawah. Situasi seperti ini seolah-olah para pemerintah dan rakyat yang berada di satu tempat, di mana para pemerintah berada di bahagian atas seperti di atas kerusi atau sebagainya, manakala rakyat pula berada di bahagian bawah seperti di atas lantai dan seumpamanya. Sedangkan makna yang seperti ini adalah mustahil bagi Allah kerana seakan-akan menyamakan Allah SWT dengan sifat makhluk.<sup>6</sup>

Selain itu, contoh ayat *mutashābihāt* adalah seperti firman Allah SWT,

وَجَاءَ رُتُكَ وَالْمَلَكُ صَعًا صَعًا.<sup>7</sup>

Terjemahan: Dan Tuhanmu pun datang, sedang malaikat berbaris-baris.

Merujuk kepada ayat di atas, terlintas di benak fikiran manusia bahawa seolah-olah Allah SWT akan datang pada hari Kiamat bersama dengan gerombolan para malaikat yang mengiringiNya secara berbaris-baris. Hal seperti ini adalah mustahil bagi Allah SWT kerana ia menggambarkan seolah-olah Dia menyerupai sifat makhluk yang mengambil tempat dan mengisi ruang untuk wujud dan bertindak.<sup>8</sup>

FirmanNya lagi,

يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ.<sup>9</sup>

Terjemahan: Tangan Allah di atas tangan mereka.

Berdasarkan kenyataan ayat di atas, sekiranya difahami maknanya secara zahir, maka akan membawa maksud seolah-olah Allah SWT mempunyai tangan seperti makhluk sedangkan Dia Maha Suci daripada menyerupai makhluk.

Ayat-ayat yang dipaparkan di atas merupakan antara ayat-ayat al-Qur'an dalam kategori *mutashābihāt* kerana pemahamannya dari sudut zahir menggambarkan Tuhan sama

<sup>6</sup> Nūh 'Alī Salmān, *al-Mukhtaṣar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd* (Kuala Lumpur: al-Bayan, 2003), 83-84.

<sup>7</sup> Al-Fajr (89):22.

<sup>8</sup> 'Alī Salmān, *al-Mukhtaṣar al-Mufīd*, 84.

<sup>9</sup> Al-Faṭḥ (48):10.

seperti makhluk. Ayat-ayat seperti inilah yang menjadi bahan perdebatan dalam perbincangan disiplin akidah Islam sejak sekian lama.

### **Pendirian Ulama Salaf berkaitan Ayat *Mutashābihāt***

Salaf dari sudut bahasa bermaksud terdahulu. Sekiranya dikatakan seseorang mempunyai salaf yang mulia, bermakna dia mempunyai keturunan yang mulia.<sup>10</sup> Keturunan dalam konteks ini ialah orang terdahulu daripadanya. Menurut Muḥammad Khayr Muḥammad Sālīm al-‘Īsī, salaf dari sudut bahasa ialah golongan terdahulu yang bukan golongan terkemudian.<sup>11</sup> Oleh itu, apabila golongan terkemudian menisbahkan diri mereka kepada salaf, maka penisbahan tersebut hanyalah dirujuk kepada manhaj, bukannya zaman mereka berada.

Salaf dari sudut istilah pula ialah mereka yang berada pada tiga kurun awal Hijrah,<sup>12</sup> atau sebelum berakhirnya kurun ke-5 Hijrah. Mereka terdiri daripada para sahabat, tabiin, tabi tabiin, empat imam mazhab, dan ulama-ulama besar dalam empat mazhab.<sup>13</sup> Oleh yang demikian, generasi salaf terhenti pada kurun sebelum berakhirnya kurun ke-5 Hijrah.

Dari sudut pendirian ulama salaf terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*, mereka terbahagi kepada dua golongan, iaitu yang cuba mentakwilkan ayat-ayat *mutashābihāt*, dan yang enggan mentakwilkan ayat-ayat tersebut, tetapi mengambil sikap *tafwīd*. Oleh yang demikian, dalam menghadapi ayat *mutashābihāt* ulama salaf hanya terbahagi kepada dua aliran sahaja iaitu sama ada mengambil sikap takwil atau *tafwīd*.

Contoh ulama salaf yang mentakwilkan ayat *mutashābihāt* dapat dilihat dalam kes ayat,

---

<sup>10</sup> Abū al-Qāsim al-Husayn bin Muḥammad al-Rāghib al-Aṣḥānī, *al-Mufradāt fī Gharrīb al-Qur’ān*, ed. Muḥammad Sayyid al-Kaylānī (al-Qāhirah: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādhīhī, 1961), 239.

<sup>11</sup> Muḥammad Khayr Muḥammad Sālīm al-‘Īsī, *Āyāt al-Ṣifāt ‘inda al-Salaf: bayn al-Ta’wīl wa al-Tafwīd min Khilāl Tafsīr al-Imām al-Ṭabarī* (t.tp.: Dār al-Kitāb al-Thaqāfī, t.t.), 22.

<sup>12</sup> Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī, *al-Salafīyyah Marḥalah Zamāniyyah Mubārakah Lā Madhhab Islāmī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1998), 9.

<sup>13</sup> ‘Alī Salmān, *al-Mukhtaṣar al-Mufīd*, 84.

وَالسَّمَاءَ بَنَيْنَاهَا بِأَيْدٍ وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ.<sup>14</sup>

Terjemahan: Dan langit itu Kami dirikan dengan tangan-tangan Kami dan Sesungguhnya Kami mempunyai kekuasaan yang luas tidak terhingga.

Dalam kes ayat ini, ‘Abd Allāh ibn ‘Abbās, Mujāhid, Qatādah bin Di‘āmah dan Sufyān al-Thawrī mengatakan bahawa maksud “dengan tangan-tangan” yang terdapat dalam ayat ialah “dengan kekuasaan”.<sup>15</sup> Ini bermakna, Ibn ‘Abbās, Mujāhid, Qatādah dan Sufyān telah mentakwilkan ayat tersebut daripada maknanya yang zahir kepada maknanya yang *marjūh* atau lebih terpilih, yang jauh dari makna zahir. Dari sini, dapat disimpulkan bahawa ada di kalangan generasi salaf yang apabila berhadapan dengan ayat-ayat *mutashābihāt* seperti ini, maka mereka mentakwilkannya, tanpa berpegang kepada makna zahir ayat.

Contoh ulama salaf yang tidak mentakwilkan ayat *mutashābihāt* dengan mengambil sikap *tafwīd* pula dapat dilihat dalam kes ayat,

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى.<sup>16</sup>

Terjemahan: (Allah) al-Rahmān, yang bersemayam di atas Arasy.

Dalam kes ayat ini, Mālik bin Anas berkata, Tuhan Yang Maha Pemurah bersemayam di atas Arasy sebagaimana Dia sendiri sifatkan mengenai DiriNya, dan tidak perlu ditanya bagaimana bersemayam itu.<sup>17</sup> Ummu Salamah berkata, bersemayam adalah suatu perkara yang tidak *majhūl* iaitu diketahui maknanya, dan dalam masa yang sama, bagaimana bersemayam pula merupakan suatu perkara yang tidak *ma‘qūl* iaitu tidak diterima akal, seterusnya mengakui hal tersebut adalah keimanan kepada ayatNya, dan dalam masa yang sama, mengingkarinya pula merupakan kekufuran.<sup>18</sup> Dari sini, dapat

<sup>14</sup> Al-Dhāriyāt (51):47.

<sup>15</sup> Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta‘wīl al-Qur‘ān*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir (t.tp.: Mu‘assasah al-Risālah, 2000), 22:428.

<sup>16</sup> Ṭāhā (20):5.

<sup>17</sup> Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, t.t.), 3:407.

<sup>18</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 3:406.

disimpulkan bahawa ada pula di kalangan generasi salaf yang apabila berhadapan dengan ayat-ayat *mutashābihāt*, mereka tidak mentakwilkannya, sebaliknya lebih suka untuk menyerahkan makna ayat tersebut kepada pengetahuan Allah SWT. Hal ini kerana, Allah SWT lebih mengetahui makna sebenar ayat tersebut.

### **Ayat-ayat *Mutashābihāt* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī***

Ayat-ayat *mutashābihāt* yang dimaksudkan dalam makalah ini tertumpu kepada beberapa ayat al-Qur'an terpilih seperti yang tertulis dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Pilihan ini dilakukan untuk melihat pendirian al-Bukhārī secara khusus terhadap ayat-ayat tersebut.

Ayat-ayat *mutashābihāt* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* tertulis dengan banyaknya dalam *Kitāb al-Tawḥīd*.<sup>19</sup> Oleh itu bahagian ini dijadikan tumpuan lanjutan. Secara keseluruhannya, ayat *mutashābihāt* dalam bahagian ini berjumlah tujuh ayat.

Pertamanya,

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ.<sup>20</sup>

Terjemahan: Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan wajah Allah.

Keduanya,

وَلْتَصْنَعْ عَلَيَّ عَيْنِي.<sup>21</sup>

Terjemahan: Dan supaya engkau dibela dan dipelihara dengan MataKu.

Ketiganya,

بِحُرَى بِأَعْيُنِنَا.<sup>22</sup>

Terjemahan: Yang belayar laju dengan (pemeliharaan dan pengawasan) mata-mata Kami.

Keempatnya,

لِمَا خَلَقْتُ بِيَدَيَّ.<sup>23</sup>

---

<sup>19</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Hadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh 'Alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, ed. Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb (al-Qāhirah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1979), 4:378-419.

<sup>20</sup> Al-Qaṣaṣ (28):88.

<sup>21</sup> Ṭāhā (20):39.

<sup>22</sup> Al-Qamar (54):14.

Terjemahan: Yang Aku telah ciptakan dengan kedua-dua tanganKu?

Kelimanya,

تَعْرِجُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ إِلَيْهِ.<sup>24</sup>

Terjemahan: Yang dilalui oleh malaikat-malaikat dan Jibrail ke pusat pemerintahanNya.

Keenamnya,

إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ.<sup>25</sup>

Terjemahan: Kepada Allahlah naiknya segala perkataan yang baik.

Dan akhirnya yang ketujuh,

إِنَّ اللَّهَ يُمْسِكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ أَنْ تَزُولَا.<sup>26</sup>

Terjemahan: Sesungguhnya Allah memegang langit dan bumi supaya tidak berganjak.

Tujuh ayat ini, yang dinyatakan oleh al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, menjadi objek analisis seterusnya untuk meneliti pendirian beliau mengenai kefahaman yang benar terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*.

### **Pendirian al-Bukhārī terhadap Ayat-ayat *Mutashābihāt*: Analisis Berdasarkan Karya *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī***

Karya *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dipilih untuk dianalisis berbanding karya-karya al-Bukhārī yang lain kerana karya ini mengandungi petunjuk terhadap pemikiran beliau yang tersirat dalam *tarjamah al-bāb* atau tajuk bab. Karya ini, yang merupakan kumpulan hadith, meliputi pelbagai tema agama, seperti akidah, fikah, tafsiran ayat-ayat al-Qur'an, adab, fadilat, sejarah dan sebagainya. Oleh yang demikian, karya ini dikategorikan sebagai *al-jāmi'* kerana mengandungi kesemua aspek agama. Hal ini berbeza dengan perihal karya al-Bukhārī lain yang kebanyakannya menjurus kepada perbincangan berkaitan hadith, tanpa menyentuh soal akidah mahupun tafsiran terhadap ayat-ayat al-Qur'an, seperti *Tārīkh al-*

---

<sup>23</sup> Ṣād (38):75.

<sup>24</sup> Al-Ma'ārij (70):4.

<sup>25</sup> Fāṭir (35):10.

<sup>26</sup> Fāṭir (35):41.



*Kabīr, al-Adab al-Mufrad, al-Qirā'ah Khalf al-Imām* dan sebagainya.

Oleh itu, menerusi karya *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* serta tajuk bab yang terdapat di dalamnya, maka para ulama mengatakan bahawa pemikiran al-Bukhārī tersirat dalam tajuk bab karya ini.<sup>27</sup> Berasaskan rumusan ini, maka analisis yang dilakukan di sini menumpukan kepada karya ini, bagi meneliti pemikiran al-Bukhārī mengenai ayat-ayat *mutashābihāt*. Tambahan pula, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* diiktiraf secara umumnya oleh para ulama sebagai buku yang kedua paling sahih, dalam konteks sebagai sumber ajaran Islam, selepas al-Qur'an.

Sekiranya diperhatikan penyusunan tajuk-tajuk bab mengenai ayat-ayat *mutashābihāt* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* serta dilihat kepada pendirian al-Bukhārī, maka pandangan beliau terhadap ayat-ayat tersebut terbahagi kepada dua, iaitu pertama mengambil pendekatan takwil, dan kedua mengambil pendekatan *tafwīd*. Namun begitu, kebanyakan pendirian yang diambil oleh al-Bukhārī adalah sikap *tafwīd* ketika menghadapi ayat-ayat *mutashābihāt*, berbanding mentakwilkan ayat-ayat tersebut. Ini bermakna beliau menerima pakai konsep takwil dan *tafwīd* dalam akidah berhubung dengan ayat-ayat *mutashābihāt*, tetapi sikap *tafwīd* yang ditunjukkan oleh beliau lebih menonjol.

### **Takwilan al-Bukhārī terhadap Ayat *Mutashābihāt***

Didapati al-Bukhārī ada mentakwilkan ayat *mutashābihāt* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Contohnya, beliau mentakwilkan firman Allah SWT,

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ.<sup>28</sup>

Terjemahan: Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan wajah Allah.

Dalam kes ayat ini, al-Bukhārī mentakwilkan *illā Wajjah* dengan *illā Mulkah*,<sup>29</sup> yang bermaksud “melainkan kebesaranNya”. Oleh itu, al-Bukhārī mentafsirkan *al-wajh* dengan

<sup>27</sup> Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Hady al-Sārī Muqaddimah Faṭḥ al-Bārī*, ed. ‘Abd al-‘Azīz bin Bāz (al-Qāhirah: Dār al-Rayyān li al-Turāth, 1986), 10 dan 16.

<sup>28</sup> Al-Qaṣaṣ (28):88.

<sup>29</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, 3:378 (Kitāb 65: al-Tafsīr, Bāb 28: Sūrah al-Qaṣaṣ Kull Shay’ Hālik illā Wajjah).

*al-mulk* atau kebesaran, di mana beliau telah memalingkan makna zahir *al-wajh* kepada makna yang lain. Kemungkinan beliau merujuk kepada penggunaan bahasa Arab yang salah satu makna bagi perkataan *al-wajh* ialah kebesaran.<sup>30</sup> Berdasarkan kes takwilan ayat ini, sudah memadai untuk membuktikan bahawa al-Bukhārī tidak berpegang seluruhnya kepada makna zahir ayat apabila berhadapan dengan ayat-ayat *mutashābihāt*.

Setakat penelitian yang telah dilakukan secara menyeluruh, hanya ayat ini sahaja yang ditakwilkan oleh al-Bukhārī dalam karya *Ṣaḥīḥ*nya bagi memalingkan makna zahir ayat kepada makna lain. Selain ayat ini, beliau tidak lagi mengambil sikap untuk mentakwilkannya, bahkan mengambil sikap *tafwīd* iaitu menyerah bulat-bulat makna ayat *mutashābihāt* kepada pengetahuan Allah SWT. Ini bermakna, beliau tidak tergolong dalam kalangan mereka yang berakidah *mujassimah* yang mengatakan Tuhan berjirim, kerana tiada satu pun kenyataan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang menunjukkan sedemikian. Beliau hanya membiarkan ayat-ayat *mutashābihāt* disertai hadith yang diriwayatkan oleh beliau tanpa sebarang takwilan.

### **Sikap *Tafwīd* al-Bukhārī terhadap Ayat-ayat *Mutashābihāt***

Banyak ayat yang berbentuk *mutashābihāt* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* tidak ditakwilkan oleh al-Bukhārī, menunjukkan beliau mengambil sikap *tafwīd*, iaitu menyerahkan maknanya yang sebenar kepada pengetahuan Allah SWT, seperti dalam firmanNya,

وَلْتَصْنَعْ عَلَيَّ عَيْنِي.<sup>31</sup>

Terjemahan: Dan supaya engkau dibela dan dipelihara dengan MataKu.

Dan firman Allah SWT,

تَجْرَى بِأَعْيُنِنَا.<sup>32</sup>

Terjemahan: Yang belayar laju dengan (pemeliharaan dan pengawasan) mata-mata Kami.

---

<sup>30</sup> Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Aynī, *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 19:148.

<sup>31</sup> Tāhā (20):39.

<sup>32</sup> Al-Qamar (54):14.

Dalam kes kedua-dua ayat ini, al-Bukhārī tidak mentakwilkan apa-apa, bahkan hanya membiarkan sahaja ayat itu tanpa dilakukan sebarang pentafsiran. Al-Bukhārī hanya meriwayatkan hadith untuk kedua-dua ayat ini di mana isi kandungan hadith menunjukkan Tuhan tidak buta sebelah mata sebagaimana yang berlaku kepada Dajal.<sup>33</sup> Hadith yang diriwayatkan itu merupakan pengulangan terhadap kenyataan ‘ayn atau mata yang terdapat al-Qur’an, tanpa adanya unsur pentafsiran terhadap makna ‘ayn itu. Menurut Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, hadith yang dibawa oleh al-Bukhārī dalam permasalahan ini adalah untuk menafikan sifat kekurangan pada Tuhan,<sup>34</sup> iaitu Tuhan tidak buta seperti Dajal.

Hadith yang dimaksudkan itu ialah,

ذُكِرَ الدَّجَالُ عِنْدَ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَى  
عَلَيْكُمْ، إِنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِأَعْوَرَ - وَأَشَارَ بِيَدِهِ إِلَى عَيْنِهِ - وَإِنَّ الْمَسِيحَ الدَّجَالَ  
أَعْوَرَ الْعَيْنِ الْيُمْنَى كَأَنَّ عَيْنَهُ عَيْنَةُ طَافِيَةٍ.<sup>35</sup>

Terjemahan: Pernah disebutkan nama Dajal di sisi Nabi SAW, lalu baginda bersabda: Sesungguhnya Allah tidak buta – serentak mengisyaratkan dengan tangannya ke matanya – dan sesungguhnya al-Masīh al-Dajjāl itu buta mata kanan, seolah-olah matanya itu adalah buah anggur yang terapung.

Berdasarkan kepada hadith-hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Tawḥīd* ini, maka para ulama membahaskan maknanya bersesuaian dengan kehendak ayat *muḥkamāt* yang menyatakan bahawa Allah SWT sama sekali tidak serupa dengan makhluk. Menurut Nāṣir al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad ibn al-Munayyir, lafaz “buta” dalam ungkapan, “Allah tidak buta” seperti yang terdapat dalam hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dapat difahami dari sudut ‘*uruf* atau kebiasaan iaitu seseorang yang tidak mempunyai mata, dan tidak dapat melihat. Sedangkan lawan kepada buta ialah sabit adanya mata bagi

<sup>33</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, 4:385 (Kitāb 97: al-Tawḥīd, Bāb 17: Qawl Allāh Ta‘ālā wa li Tuṣna‘ ‘alā ‘Aynī Tughadhdhā, no. hadith 7407).

<sup>34</sup> Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (al-Riyād: Dār al-Salām, 2000), 13:478.

<sup>35</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, 4:385 (Kitāb 97: al-Tawḥīd, Bāb 17: Qawl Allāh Ta‘ālā wa li Tuṣna‘ ‘alā ‘Aynī Tughadhdhā, no. hadith 7407).

seseorang dan boleh melihat. Apabila kekurangan ini tiada pada Tuhan, maka sabit sifat sempurna kepada Tuhan iaitu adanya mata bermaksud penglihatan. Pensabitan seperti ini bukan mensabitkan sifat anggota kepada Tuhan tetapi dengan tujuan perumpamaan dan kemudahan manusia untuk memahaminya.<sup>36</sup> Oleh yang demikian, mata itu difahami dari sudut bahasa, bukan dari sudut pensabitan sifat mata kepada Tuhan.

Selanjutnya, merujuk kepada firman Allah SWT,

لِمَا خَلَقْتُ بِيَدَيْ.<sup>37</sup>

Terjemahan: Yang Aku telah ciptakan dengan kedua-dua tanganKu?

Hadith-hadith dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī berkenaan ayat ini mengandungi pernyataan-pernyataan seperti berikut.

... خَلَقَكَ اللَّهُ بِيَدِهِ...<sup>38</sup>

Terjemahan: Allah telah mencipta kamu (Adam) dengan tanganNya.

يُدُّ اللَّهُ مَلَأَى لَا يَعْضُّهَا نَفَقَةٌ... فَإِنَّهُ لَمْ يَعْضُ مَا فِي يَدِهِ... عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ، وَبِيَدِهِ الْأُخْرَى الْمِيزَانُ، يَخْفِضُ وَيَرْفَعُ.<sup>39</sup>

Terjemahan: Tangan Allah penuh, tidak berkurang dengan pemberian... Sesungguhnya tidak pernah berkurang apa yang ada di tanganNya... Arasnya di atas air, dan di tanganNya yang lain terdapat timbangan yang merendah dan meninggi.

إِنَّ اللَّهَ يَقْبِضُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الْأَرْضَ، وَتَكُونُ السَّمَوَاتُ بِيَمِينِهِ، ثُمَّ يَقُولُ: أَنَا الْمَلِكُ.<sup>40</sup>

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menggenggam bumi pada hari Kiamat, dan langit berada di tangan kananNya, kemudian Dia berfirman, Akulah Maha Raja.

<sup>36</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī* (Dār al-Salām), 13:478.

<sup>37</sup> Ṣād (38):75.

<sup>38</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, 4:385 (Kitāb 97: al-Tawḥīd, Bāb 19: Qawl Allāh Ta‘ālā li mā Khalaqtu bi Yadayya, no. hadith 7410).

<sup>39</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, 4:386 (Kitāb 97: al-Tawḥīd, Bāb 19: Qawl Allāh Ta‘ālā li mā Khalaqtu bi Yadayya, no. hadith 7411).

<sup>40</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, 4:386 (Kitāb 97: al-Tawḥīd, Bāb 19: Qawl Allāh Ta‘ālā li mā Khalaqtu bi Yadayya, no. hadith 7412).

يُقْبِضُ اللَّهُ الْأَرْضَ.<sup>41</sup>

Terjemahan: Allah menggenggam bumi.

أَنَّ يَهُودِيًّا جَاءَ إِلَى النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ، إِنَّ اللَّهَ يُمْسِكُ السَّمَوَاتِ عَلَى إِصْبَعٍ، وَالْأَرْضِينَ عَلَى إِصْبَعٍ، وَالْجِبَالَ عَلَى إِصْبَعٍ، وَالشَّجَرَ عَلَى إِصْبَعٍ، وَالْخَلَائِقَ عَلَى إِصْبَعٍ، ثُمَّ يَقُولُ: أَنَا الْمَلِكُ. فَضَحِكَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - حَتَّى بَدَتْ نَوَاجِذُهُ، ثُمَّ قَرَأَ: وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ.<sup>42</sup> وَزَادَ فِيهِ: فَضَحِكَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - تَعَجُّبًا وَتَصْدِيقًا لَهُ.<sup>43</sup>

Terjemahan: Sesungguhnya seorang lelaki Yahudi pernah datang kepada Nabi SAW seraya berkata, Wahai Muhammad, sesungguhnya Allah memegang langit dengan satu jari, bumi dengan satu jari, gunung-ganang dengan satu jari, pepohon kayu dengan satu jari, dan manusia dengan satu jari, kemudian berfirman, Akulah Maha Raja. Maka Rasulullah SAW tertawa sehingga tampak gigi-gigi geraham baginda. Lalu baginda membaca, Dan mereka tidak menghargai dengan sebenar-benar penghargaan. Dan ada tambahan padanya: Maka Rasulullah SAW tertawa kerana mengagumi dan membenarkannya.

Ketika menyatakan ayat *mutashābihah* di atas serta hadith-hadith yang berkaitan dengannya, al-Bukhārī sama sekali tidak mentakwilkan lafaz *mutashābih* al-Qur'an dan hadith tersebut, berbeza dengan lafaz *al-wajh* yang terdapat dalam *Kitāb al-Tafsīr* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang ditakwilkan oleh beliau sebagai *al-mulk*. Ini bermakna, al-Bukhārī menyerahkan sahaja makna ayat al-Qur'an dan hadith-hadith yang *mutashābihāt* dalam kes ini kepada ilmu Allah SWT. Tiada satu pun kenyataan serta petanda dalam al-Qur'an mahupun hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī di atas mensabitkan sifat tangan kepada Tuhan.

<sup>41</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, 4:386 (Kitāb 97: al-Tawhīd, Bāb 19: Qawl Allāh Ta'ālā li mā Khalaqtu bi Yadayya, no. hadith 7413).

<sup>42</sup> Al-An'ām (6):91.

<sup>43</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, 4:387 (Kitāb 97: al-Tawhīd, Bāb 19: Qawl Allāh Ta'ālā li mā Khalaqtu bi Yadayya, no. hadith 7414).

Walau bagaimanapun, terdapat di kalangan ulama yang mengatakan bahawa al-Bukhārī mensabitkan sifat wajah, mata, tangan dan sebagainya kepada Tuhan berasaskan kepada *istidlāl* atau pendalilan hadith yang dibawakan. Misalnya Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf ibn Baṭṭāl ketika menganalisis ayat al-Qur’an yang didatangkan oleh al-Bukhārī di atas dan hadith-hadith yang diriwayatkannya, berpandangan bahawa *istidlāl* daripada al-Qur’an dan hadith menunjukkan kepada pensabitan sifat dua tangan kepada Tuhan.<sup>44</sup> Bagi Ibn Baṭṭāl, dua tangan itu merupakan sifat zat Tuhan, yang tidak sama seperti tangan yang ada pada manusia.<sup>45</sup> Menurut penulis, pandangan seperti ini hanyalah pandangan peribadi Ibn Baṭṭāl yang tiada sangkut paut dengan pendirian al-Bukhārī dalam akidah.

Pandangan yang lebih sahih menurut penulis untuk mentafsirkan hadith yang dibawa oleh al-Bukhārī berkaitan dengan ayat-ayat *mutashābihāt* ialah dengan merujuk kepada penggunaan perkataan *yadd* atau tangan di kalangan orang Arab. Apabila diteliti, didapati perkataan ini mengandungi pelbagai makna yang tidak khusus kepada makna tangan sahaja. Oleh yang demikian, tidak sesuai mensabitkan sifat tangan pada Tuhan, hanya semata-mata kerana hadith yang diriwayatkannya oleh al-Bukhārī dalam hal ini mengandungi perkataan *yadd*. Ibn Ḥajar dalam karyanya *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* mengatakan bahawa *al-yadd* mengandungi 25 makna, sama ada apabila dilihat dari sudut hakikat mahupun majaz.<sup>46</sup> Terdapat juga ulama yang mensyarahkan perkataan *yadd* yang terdapat dalam hadith ini sebagai kuasa. Misalnya Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Aynī dalam karyanya *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* memilih untuk mentafsirkan perkataan *yadd* yang terdapat dalam al-Qur’an dengan makna kuasa.<sup>47</sup> Oleh yang demikian, tidak sesuai mensabitkan sifat dua tangan pada Tuhan hanya sekadar berdasarkan ayat dan hadith yang didatangkan oleh al-Bukhārī mengandungi perkataan *yadd*.

---

<sup>44</sup> Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li ibn Baṭṭāl* (al-Riyād: Maktabah al-Rushd, t.t.), 10:436.

<sup>45</sup> Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 10:437.

<sup>46</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī* (Dār al-Salām), 13:483.

<sup>47</sup> Al-‘Aynī, *‘Umdah al-Qārī*, 25:156.

Seterusnya al-Bukhārī meriwayatkan beberapa hadith mengenai dua ayat al-Qur'an yang menggambarkan seolah-olah Tuhan berada di atas iaitu firman Allah SWT,

تَعْرُجُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ إِلَيْهِ.<sup>48</sup>

Terjemahan: Yang dilalui oleh malaikat-malaikat dan Jibrail ke pusat pemerintahanNya.

Dan firmanNya lagi,

إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ.<sup>49</sup>

Terjemahan: Kepada Allahlah naiknya segala perkataan yang baik.

Setelah itu, al-Bukhārī meriwayatkan sebuah *athar* atau kata-kata Sahabat Rasulullah SAW, sebagai rujukan lanjut kepada *tarjamah al-bāb* atau tajuk bab ini, yang berbunyi,

بَلَغَ أَبَا ذَرٍّ مَبْعُثُ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالَ لِأَخِيهِ: اعْلَمْ لِي عِلْمًا هَذَا الرَّجُلِ الَّذِي يَزْعُمُ أَنَّهُ يَأْتِيهِ الْخَبْرُ مِنَ السَّمَاءِ.<sup>50</sup>

Terjemahan: Telah sampai kepada Abu Dharr berita pengutusan Nabi SAW. Maka beliau berkata kepada saudaranya, “Beritahu kepadaku maklumat lelaki ini yang mengaku bahawa dia mendapat berita dari langit.

Kemudian, al-Bukhārī menambah suatu pendapat lagi mengenai ayat al-Qur'an di atas, seolah-olah menggambarkan bahawa Allah SWT berada di langit iaitu,

يُقَالُ: ذِي الْمَعَارِجِ،<sup>51</sup> الْمَلَائِكَةُ تَعْرُجُ إِلَى اللَّهِ.<sup>52</sup>

Terjemahan: Dikatakan pemilik tempat naik itu ialah para malaikat yang naik kepada Tuhan.

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam bab ini pula pula turut menampakkan seakan-akan Allah SWT berada di atas sebagaimana riwayat daripada Nabi SAW yang berbunyi,

<sup>48</sup> Al-Ma'ārij (70):4.

<sup>49</sup> Fāṭir (35):10.

<sup>50</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, 4:389 (Kitāb 97: al-Tawḥīd, Bāb 23: Qawl Allāh Ta'ālā Ta'ruj al-Malā'ikah wa al-Rūḥ ilayh).

<sup>51</sup> Al-Ma'ārij (70):3.

<sup>52</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, 4:389 (Kitāb 97: al-Tawḥīd, Bāb 23: Qawl Allāh Ta'ālā Ta'ruj al-Malā'ikah wa al-Rūḥ ilayh).

... ثُمَّ يَعْرُجُ الَّذِينَ بَاتُوا فِيكُمْ فَيسألهم، وهو أعلم بكم...<sup>53</sup>

Terjemahan: Kemudian para Malaikat petugas malam hari naik (melaporkan) kalian. Maka Allah bertanya kepada para Malaikat itu, meskipun Dia Maha Mengetahui keadaan kalian.

Selanjutnya, seakan-akan sabit sifat *'uluw* atau berada di atas bagi Allah SWT jika dilihat hadith lain pula yang didatangkan oleh al-Bukhārī, apabila Nabi SAW bersabda,

وَلَا يَصْعَدُ إِلَى اللَّهِ إِلَّا الطَّيِّبُ.<sup>54</sup>

Terjemahan: Dan tidak akan naik kepada Allah kecuali yang baik.

Konsep “naik” yang terdapat dalam hadith-hadith di atas dari sudut zahirnya difahami sebagai naik ke atas. Justeru, zahir hadith menampakkan seolah-olah Allah SWT berada di atas. Berdasarkan periwayatan al-Bukhārī, kemungkinan akan difahami oleh orang awam sebagai Allah SWT berada di atas ‘Arash, manakala ‘Arash itu pula berada di langit kerana riwayat seterusnya dalam bab yang sama menyebutkan bahawa di bawah ‘Arash itu terdapat peredaran matahari.<sup>55</sup>

Pemahaman secara zahir dari periwayatan al-Bukhārī sememangnya akan mendatangkan kekeliruan sekiranya tidak diperhatikan dengan saksama berdasarkan ilmu. Kekeliruan ini ditambah lagi dengan sikap al-Bukhārī yang tidak gemar mentakwilkan sifat-sifat *mutashābihāt* yang disebutkan dalam al-Qur’an mahupun hadith. Oleh itu, kekeliruan yang mungkin timbul ini perlu dirujuk kepada ulasan yang diberikan oleh para pengulas *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* bagi menghindar sebarang kemusykilan.

Misalnya salah seorang pengulas *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* iaitu Ibn Baṭṭāl, dalam karyanya *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, mengatakan bahawa dalil-dalil yang jelas daripada al-Qur’an mahupun hadith kesemuanya mengandungi makna bahawa Allah SWT tidak

<sup>53</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, 4:389 (Kitāb 97: al-Tawḥīd, Bāb 23: Qawl Allāh Ta’ālā Ta’ruj al-Malā’ikah wa al-Rūḥ ilayh, no. hadith 7429).

<sup>54</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, 4:389 (Kitāb 97: al-Tawḥīd, Bāb 23: Qawl Allāh Ta’ālā Ta’ruj al-Malā’ikah wa al-Rūḥ ilayh, no. hadith 7430).

<sup>55</sup> Al-Bukhārī, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, 4:390 (Kitāb 97: al-Tawḥīd, Bāb 23: Qawl Allāh Ta’ālā Ta’ruj al-Malā’ikah wa al-Rūḥ ilayh, no. hadith 7433).



berjism, dan tidak juga berhajat kepada tempat. Hal ini kerana Allah SWT yang menciptakan tempat, justeru mustahil Dia memerlukan tempat sebelum tempat itu sendiri diciptakan olehNya.<sup>56</sup> Penerangan seperti ini dengan menggunakan hukum akal yang waras, menghindarkan sama sekali kekeliruan yang mungkin timbul dalam menelaah karya *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ketika menanggapi ayat-ayat *mutashābihāt*.

Seterusnya Ibn Baṭṭāl berpandangan bahawa tujuan al-Bukhārī membuat *tarjamah bāb* seperti ini adalah semata-mata untuk menolak pandangan golongan Jahmiyyah dan Mujassimah yang wujud pada zamannya. Kedua-dua golongan ini berpegang kepada zahir teks al-Qur'an dan hadith dalam menanggapi ayat-ayat *mutashābihāt*, sehingga sanggup mengatakan Tuhan berjism serta bertempat. Menurut akidah Ahli Sunnah Waljamaah, sandaran tempat naik yang terdapat dalam ayat al-Qur'an dan matan hadith merupakan sandaran yang berbentuk memuliakan, bukan bermaksud tempat yang diduduki oleh Allah SWT. Perbuatan naik kepadaNya pula bermaksud hal keadaan naik kepadaNya, dan Dia suci daripada bertempat.<sup>57</sup>

Dengan itu, ayat-ayat al-Qur'an yang didatangkan oleh al-Bukhārī serta hadith-hadith yang diriwayatkan oleh beliau dalam bab ini, hanyalah sekadar untuk menyatakan pendirian beliau yang mengambil pendekatan *tafwīd* terhadap ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith yang berbentuk *mutashābihāt*. Kesemua ayat al-Qur'an dan hadith yang didatangkan oleh beliau, jika sekalipun difahami dari sudut zahir seakan-akan Allah SWT berjism dan bertempat, tetapi dari sudut hakikatnya, Allah SWT tidak sedemikian kerana Ia suci daripada berjism dan bertempat sebagaimana makhluk.

### **Pendirian al-Bukhārī berkaitan Ayat *Mutashābihāt***

Berdasarkan perbincangan Ahli Kalam, sifat *mutashābihāt* seperti mata, wajah dan tangan pada Allah SWT mempunyai tiga bentuk tafsiran. Pertama, kesemua sifat itu merupakan sifat zat Allah SWT yang sabit berasaskan kenyataan wahyu, yang tidak dapat dicapai oleh akal. Kedua, mata merupakan kiasan bagi sifat melihat Allah SWT, tangan merupakan kiasan kepada sifat kuasa,

---

<sup>56</sup> Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 10:453.

<sup>57</sup> Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, *Fath al-Bārī* (Dār al-Salām), 13:513.

dan wajah merupakan kiasan kepada sifat wujud. Ketiga, tiada tafsiran dibuat dengan menyerahkan makna kesemuanya kepada Allah SWT.<sup>58</sup>

Dalam konteks pendirian al-Bukhārī, beliau dilihat lebih cenderung kepada pendekatan kedua dan ketiga iaitu menganggap kesemua sifat yang dinyatakan itu merupakan kiasan sifat Tuhan sahaja. Hal ini adalah berasaskan kepada takwilan terhadap perkataan *wajh* dengan makna *mulk*, seperti yang telah dibincangkan pada bahagian takwil al-Bukhārī terhadap ayat *mutashābihāt*. Seterusnya, beliau juga mengambil sikap *tafwīd* iaitu menyerahkan makna ayat *mutashābihāt* kepada pengetahuan Allah SWT, tanpa melakukan sebarang pentafsiran terhadapnya, seperti yang dibincangkan pada bahagian sikap *tafwīd* al-Bukhārī terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*.

Oleh yang demikian, penulis berpandangan al-Bukhārī adalah termasuk dalam kalangan *al-salaf al-ṣāliḥ* atau generasi awal yang soleh, yang jarang melakukan pentakwilan terhadap sifat-sifat Allah SWT yang terdapat dalam ayat-ayat *mutashābihāt* sebagaimana yang dilakukan oleh beliau dalam karya *Ṣaḥīḥ*nya. Beliau lebih gemar mengambil sikap *tafwīd* iaitu menyerahkan sahaja makna yang sebenar kepada Allah SWT dalam menanggapi ayat-ayat al-Qur'an yang berbentuk *mutashābihāt*. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa beliau adalah tergolong dalam kalangan ulama salaf yang mengambil sikap *tafwīd* kepada Allah SWT dalam isu makna ayat-ayat *mutashābihāt*, melainkan pada tempat-tempat tertentu al-Bukhārī ada mentakwilkannya. Sikap al-Bukhārī sebagaimana yang ditunjukkan oleh beliau dalam menanggapi ayat-ayat *mutashābihāt* dalam karya *Ṣaḥīḥ*nya membuktikan bahawa beliau bukanlah dari golongan Mujassimah yang mengatakan Tuhan mempunyai jisim, tetapi menganggap jisim itu tidak sama dengan jisim manusia.<sup>59</sup> Apapun, secara umumnya, al-Bukhārī adalah ulama salaf yang lebih gemar mengambil sikap *tafwīd* ketika berhadapan dengan ayat-ayat *mutashābihāt*.

---

<sup>58</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī* (Dār al-Salām), 13:513.

<sup>59</sup> Al-‘Aynī, *‘Umdah al-Qārī*, 25:153.

## Penutup

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa al-Bukhārī tergolong dalam kalangan ulama salaf yang mengambil pendekatan *tafwīd* terhadap ayat-ayat *mutashābihāt* dalam al-Qur'an. Walaupun begitu, dalam beberapa ayat, beliau ada juga melakukan takwilan terhadap ayat *mutashābihāt* sekiranya perlu. Sikap seperti ini menggambarkan mengenai pendirian al-Bukhārī yang tidak termasuk dalam kelompok mereka yang menetapkan sifat wajah, tangan, mata dan di atas kepada Allah SWT kerana mereka yang menetapkan sifat-sifat seumpama ini, sama sekali tidak akan mentakwilkan sifat tersebut.

Sifat-sifat yang terkandung dalam ayat *mutashābihāt* sememangnya dikhabarkan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an, tetapi maknanya yang sebenar hanya Allah SWT yang Maha Mengetahui. Oleh yang demikian, dalam banyak situasi, al-Bukhārī menyerahkan sahaja pengertian sebenar ayat-ayat *mutashābihāt* kepada Allah SWT, tanpa mentakwilkannya. Ayat-ayat al-Qur'an dan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī, bukan semata-mata untuk mensabitkan sifat-sifat tersebut kepada Tuhan, tetapi untuk menolak pandangan golongan Jahmiyyah dan Mujassimah yang wujud pada zamannya.

Sekiranya diperhatikan kepada ulasan para pengulas *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, maka tiada seorang pun daripada kalangan mereka mengatakan bahawa al-Bukhārī mensabitkan sifat wajah, mata, tangan dan di atas kepada Allah SWT. Hal ini kerana mereka memahami bahawa pendirian al-Bukhārī terhadap ayat-ayat *mutashābihāt* adalah penyerahan mutlak maknanya kepada pengetahuan Allah SWT. Takwilan yang dilakukan oleh al-Bukhārī hanyalah dalam konteks penggunaan bahasa Arab di kalangan orang Arab, selagi mana ia tidak bertentangan dengan ayat *muḥkamāt* yang terdapat dalam al-Qur'an.

## Bibliografi

Al-Qur'an.

‘Alī Salmān, Nūḥ, *al-Mukhtaṣar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd* (Kuala Lumpur: al-Bayan, 2003).

Al-‘Aynī, Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad, *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001).

- Al-‘Īsī, Muḥammad Khayr Muḥammad Sālim, *Āyāt al-Ṣifāt ‘inda al-Salaf: bayn al-Ta’wīl wa al-Tafwīd min Khilāl Tafsīr al-Imām al-Ṭabarī* (t.tp.: Dār al-Kitāb al-Thaqāfī, t.t.).
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘Alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, ed. Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb (al-Qāhirah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1979).
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān, *al-Salafiyyah Marḥalah Zamāniyyah Mubārakah Lā Madhhab Islāmī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1998).
- Al-Rāghib al-Aṣfahānī, Abū al-Qāsim al-Ḥusayn bin Muḥammad, *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur’ān*, ed. Muḥammad Sayyid al-Kaylānī (al-Qāhirah: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihi, 1961).
- Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr (t.tp.: Mu‘assasah al-Risālah, 2000).
- Ibn Baṭṭāl, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li ibn Baṭṭāl* (al-Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, t.t.).
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, t.t.).
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (al-Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000).
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī, *Hady al-Sārī Muqaddimah Fath al-Bārī*, ed. ‘Abd al-‘Azīz bin Bāz (al-Qāhirah: Dār al-Rayyān li al-Turāth, 1986).
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’ān* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2001).